



www.saujana.sg

SIRI MARI DENGAR CERITA : NILAI SEBUAH NYAWA

- GRAM BRING UP THEME MUSIC.....UNDER.....FOR.....
- NARRATOR 1] Siri Mari Dengar Cerita. Cerita kita kali ini bertajuk ‘Nilai Sebuah Nyawa’.
- GRAM BRING UP.....UNDERFADE OUT.
- NARRATOR 2] Murid-murid cerita yang akan kamu dengari nanti mengisahkan kesetiaan seorang pegawai tentera terhadap negaranya dan ketabahan hati seorang anak sewaktu menghadapi dugaan hidup. Mahukah kamu mendengar cerita tersebut....? Kalau demikian, ikutilah cerita ini sehingga selesai.
- GRAM BRING UP.....UNDERFADE OUT.
- SOUND EFFECT BUNYI KERETA BERHENTI KEMUDIAN PINTU KERETA DIBUKA DAN DITUTUP.
- MEJAR RUSLI 3] Zizah....awak masuklah ke dalam dahulu, saya hendak tutup pintu pagar.....
- AZIZAH 4] Baiklah bang
- SOUND EFFECT BUNYI PINTU PAGAR DITUTUP.



- AZIZAH 5] (TERKEJUT.) Bang. . . .ada surat di celah pintu rumah kita!
- MEJAR RUSLI 6] Surat? Berikan kepada abang, biar abang baca
- AZIZAH 7] Bang... mengapa wajah abang tiba-tiba berubah? Apa isi kandungan surat itu, bang?
- MEJAR RUSLI 8] (MENGELUH) Anak Rita.. .Zizah!
- AZIZAH 9] Apa yang terjadi kepada anak Rita, bang?
- MEJAR RUSLI 10] Nah.....bacalah surat ini, Zizah.....
- SOUND EFFECT BUNYI SURAT BERTUKAR TANCAN
- AZIZAH 11] (MEMBACA) Jika anakmu; Ratna hendak selamat, harap tunggu panggilan telefon kami. Jangan sekali-kali menghubungi polis! Kubata... (JEDA) Jadi anak kita telah diculik orang?
- MEJAR RUSLI 12] Ya Zizah..... (JEDA DAN KEMUDIAN BERDOA) Ya, Allah, ya Tuhan kami! Lindungilah anak kami daripada perbuatan orang-orang yang zalim!
- AZIZAH 13] Bang, siapa yang menculik anak kita? Siapa Kubata itu, bang?
- MEJAR RUSLI 14] Kubata itu kata singkat bangi kumpulan bawah tanah.....!
- AZIZAH 15] Bang. . .selamatkanlah anak kita bang, dialah seorang sahaja anak kita, bang!
- MEJAR RUSLI 16] Bertenanglah Zizah.....

- SOUND EFFECT BUNYI TELEFON BERDERING.....
- AZIZAH 17] Bang... .telefon berdering, mungkin panggilan daripada kumpulan yang menculik anak kita itu, bang!
- MEJAR RUSLI 18] (MENANGANGKAT TELEFON) Hello...!
- MEGAT 19] Ini rumah Mejar Rusli...?
- MEJAR RUSLI 20] Ya.....ya. . .aku Rusli.. .di mana anak aku?
- MEGAT 21] Dengar, Mejar. . . .engkau tentu tidak mahu anakmu diapa-apakah oleh kami..
- MEJAR RUSLI 22] Jadi; apa yang kaumahu daripada kami? Aku bukanlah orang kaya...aku bukanlah jutawan...
- MEGAT 23] (KETAWA) Ha ..ha. . ha....kami tak perlukan wang kau walau sesen pun. Dengar Mejar.... Kalau kau mahu anakmu selamat, ikut arahan kami.....
- MEJAR RUSLI 24] (GUGUP) Baik ... baik.....
- MEGAT 25] Dengar Mejar sebuah kereta akan tiba di hadapan rumah Mejar lima minit dari sekarang. Mejar mesti naik kereta itu dan jangan cuba lakukan apa-apa. Nyawa anak Mejar dalam bahaya!
- SOUND EFFECT BUNYI GAGANG TELEFON DILETAK
- AZIZAH 26] Bang...!?



- MEJAR RUSLI 27] Zizah...mereka mahu abang ikut mereka.....sebentar nanti, kereta mereka tiba!
- AZIZAH 28] Bang. . .jangan pergi bang, bahaya.....
- MEJAR RUSLI 29] Tidak Zizah. . . .abang mesti pergi! Nyawa anak kita dalam bahaya.....
- AZIZAH 30] Bang.. . . Zizah tidak mahu kehilangan dua nyawa bang! Biarlah pihak polis menguruskan hal penculikan anak kita itu!
- MEJAR RUSLI 31] Zizah. . . .bagi abang. . .nyawa anak kita lebih penting.... bertenanglah Zizah... .jika abang tidak kembali setelah dua puluh empat jam awak hubungilah pihak polis!
- GRAM BRING UP MUSIC.....UNDER.....FADE OUT.
- NARRATOR 32] Setelah kereta kumpulan penjahat yang menculik anaknya tiba, Mejar Rusli segera menaiki kereta itu dan dibawa ke sebuah rumah dengan mata tertutup.
- MEJAR RUSLI 33] Di mann anakku kausembunyikan?
- AH LEONG 34] Diam! ikut sahaja apa yang kami suruh.....
- SAMY 35] Ah Leongkau tekanlah butang itu supaya pintu masuk ke kolong rumah ini terbuka.....
- AH LEONG 35] Samy. . . .engkau pegang tangan mejor Rusli ini kuat-kuat....



SOUND EFFECT		BUNYI PINTU YANG MENGGUNAKAN KUASA ELEKTERIK TERBUKA.
SAMY	36]	Cepat turun.....
MEJAR RUSLI	37]	Ke mana perginya anakku, keparat !
AH LEONG	38]	Diam... jika kau berdegil, kami akan pukul engkau!
SAMY	39]	Nah....sekarang, buka ikatan matakau itu!
MEJAR RUSLI	40]	Mana anak aku!
MEGAT	41]	Mejar Ruslikau tidak kenal aku.....
MEJAR RUSLI	42]	Engkau Kapten Megat.....
MEGAT	43]	Masakan engkau lupa kepadaku..kerana engkau lah aku dibuang kerja.
MEJAR RUSLI	44]	Megat. ..Engkau tidak berdisiphin, engkau mencuaikan kerja engkau. Kerana kelalaian engkau, empat orang askar kita terkorban dalam latihan yang engkau kendalikan.....
MEGAT	45)	Tapi, kalau engkau tidak mengkhabarkan perkara itu kepada pegawai penyiasat...tentu aku tidak dibuang kerja....
MEJAR RUSLI	46]	Jadi engkau menculik anakku kerana hendak membalas dendam.....

- MEGAT 47] Tidak.....bukan kerana itu aku menculik anak engkau..... tapi aku mahukan kepakaran engkau membuat bom waktu..
- MEJAR RUSLI 48] Apa yang engkau hendak lakukan dengan bom itu?
- MEGAT 49] (KETAWA) Ha....ha....ha..... Baiklah, aku beritahu tujuan kubata ini.... kami bekerjasama dengan pihak pengganas untuk menimbulkan huru hara di sini.....
- MEJAR RUSLI 50] Cis..... ! Penderhaka
- MEGAT 51] Dengan bom-bom waktu, kami bercadang hendak meletupkan beberapa buah bangunan tinggi!
- MEJAR. RUSLI 52] Tidak..... aku tidak mahu terlibat dengan kumpulan penderhaka
- MEGAT 53] Kalau kau bersikap demikian....kami terpaksa membunuh kau dan anakkau!
- MEJAR RUSLI 54] Cis pengecut....!
- MEGAT 55] Ah Leong....bawa anak mejar ini ke mari.....!
- AH LEONG 56] Baik...tuan!
- MEJAR RUSLI 57] Megat..... engkau tidak berhati perut.....!
- RATNA 58] (MEMEKIK) Ayah.....!
- MEJAR RUSLI 59] Kau tidak apa-apa, Ratna...

- RATNA 60] Tidak ayah.....mereka tidak pengapa-apakan Ratna!
- MEGAT 61] Ya....pada masa ini, kami tidak pengapa-apakan anakkau Mejar....tapi jika kau ingkar membuat bom waktu untuk kami....pistol ini akan melenyapkan nyawa kamu berdua.....Bagaimana Mejar.....
- RATNA 62] Jangan ayah....jangan ikut kata mereka....biar nyawa kita berdua melayangMereka tentu akan gunakan bom waktu itu untuk membunuh ramai orang.....
- MEGAT 63] Bagaimana Mejar.....!
- RATNA 64] Ayah.....
- MEGAT 65] Mejar saya tidak mahu dengar jawapan anak mejar.....
- MEJAR RUSLI 66] (BERKATA SENDIRIAN). Kalau aku tidak mahu mengikut cakap mereka.....tentu mereka akan membunuh RatnaTidak Ratna, ayah mesti menyelamatkan nyawamu (JEDA) Baiklah Megat.....aku akan rnenurut kata-kata engkau itu.
- RATNA 67] (KESAL) Ayah.....!
- MEGAT 68] Bagus....bagus.....Samy, bawa mereka ke dalam bilik..... dan kau Ah Leong.....bawakan bahan-bahan untuk membuat bom waktu dan berikan kepada Mejar ini.....
- AH LEONG & SAMY 69] Baik Tuan.....!
- MEGAT 70] Selepas itu kamu berdua.... kawal mereka dengan ketat..... aku hendak berehat di atas.....

GRAM		BRING UP MUSIC.....UNDER.....FADE OUT.
RATNA	71]	Ayah....Ratna tidak sangka yang ayah tunduk dengan kemahuan mereka.....
MEJAR RUSLI	72]	Tidak Ratna.....ayah tidak sekali-kali rnahu menderhaka kepada Negara.....ayah tidak mahu kau mempunyai seorang ayah yang pengecut seperti mereka.....
RATNA	73]	Tapi mengapa ayah menyetujui suruhan mereka?
MEJAR RUSLI	74]	Itu adalah helah ayah.....Ayah mahu mencari peluang yang baik untuk menumpaskan mereka.....Ayah berbuat demikian juga kerana tidak mahu kehilangan kau.....
RATNA	75]	(GEMBIR) Ayah.....Ratna bangga mempunyai ayah!
MEJAR RUSLI	76]	Sudahlah Ratna, marilah kita mencari jalan keluar.....
RATNA	77]	Ayah..... nampaknya bilik ini tidak berkunci!
MEJAR RUSLI	78]	Tapi Ratna.....kita tidak boleh keluar dari sini.....Lihat, si Samy sedang berkawal di luar bilik ini.....Kita harus bersabar.....kita tunggu sehingga dia alpa.....
RATNA	79]	Tapi ayah.....mana yang seorang lagi?
MEJAR RUSLI	80]	Dia diperintahkan oleh megat mengambil bahan-bahan untuk membuat bom waktu!
RATNA	81]	Ayah! Lihat....si Samy itu menguap-nguap.....saya rasa tak lama lagi, tentu dia terlelap

- MEJAR RUSLI 82] Ratna.....ayah mesti bertindak sekarang..... ini peluang yang baik untuk kita melepaskan diri.....Kau duduk di sini dan jangan ke mana-mana.....ayah akan bertindak ke atas Samy.....
- RATNA 83] Berhati-hati ayah.....
- GRAM BRING UP SUSPENCE MUSIC.....UNDER.....FADE OUT.
- SOUND EFFECT BUNYI ORANG TERTUMBUK DAN JATUH
- NARRATOR 84] Setelah bertindak ke atas Samy dan mengikat tangannya, Mejar Rusli bersembunyi di belakang sebuah almari berdekatan dengan pintu masuk ke kolong itu. Tidak lama kemudian, Ah Leong masuk dan tanpa membuang masa, Mejar Rusli mengetuk kepala Ah Leong dengan pistol Samy yang dirampasnya tadi. Ah Leong jatuh lalu pingsan. Setelah itu, Mejar Rusli dan Ratna keluar dari kolong rumah itu. Dengan senyap-senyap, mereka masuk ke dalam sebuah bilik. Pada waktu itu, megat sedang tidur dengan lenyaknya.....
- MEJAR RUSLI 85] (BERTERIAK) Megat.....! Bangun....! Oh....kau kau terpegun melihat aku berada di bilikkau ini.....! Cepat berdiri ! Jangan cuba melawan. Jika kau melawan, aku terpaksa menembak engkau.....
- RATNA 86] Apa kita nak buat dengan ketua penjahat ini ayah!
- MEJAR RUSLI 87] Ratna....engkau segera telefon polis.....
- RATNA 88] Tapi ayah.....kita berada di mana?

MEJAR RUSLI 89] Ya tak ya juga.....Hei Megat.....katakan kepada kami kedudukan rumah ini.....Cepat!

MEGAT 90] Di Jalan Belimbing

MEJAR RUSLI 91] Nombor rumahnya?

MEGAT 92] Tujuh puluh tiga.....

MEJAR RUSLI 93] Nah.....Ratna, telefon pihak polis sekarang juga!

RATNA 94] Baiklah ayah.....

MEJAR RUSLI 95] Selepas itu, bolehlah Ratna menelefon ibu.....
Ibumu tentu gembira apabila mendengar kita dalam keadaan selamat.....

RATNA 96] Baiklah ayah.....

GRAM BRING UP MUSIC.....UNDER.....FADE OUT.

NARRATOR 97] Demikian murid-murid.....cerita “Nilai Sebuah Nyawa’ .
Semoga kamu akan mencontohi ketabahan dan keberanian Ratna sewaktu menghadapi dugaan hidup. Sekianlah cerita kita kali ini.....sehingga bertemu lagi dalam satu cerita yang lain pula.....rajin-rajin belajar.....

GRAM BRING UP MUSIC..... UNDER.....FADE OUT.

TAMAT

Mohamed Naim Daipi
7 Julai 1986



NILAI SEBUAH NYAWA

SOALAN-SOALAN KEFAHAMAN

Murid-murid.....sebenar tadi, kamu telah mendengar cerita 'Nilai Sebuah Nyawa'. Sekarang, cuba kamu jawab soalan-soalan yang akan saya ajukan ini:

- soalan pertama apakah isi kandungan surat yang terselit di celah pintu rumah mejar Rusli itu?
- soalan kedua bagaimanakah kumpulan penculik itu menghubungi mejar Rusli?
- soalan ketiga apakah yang dimaksudkan dengan kata singkat kubata itu?
- soalan keempat apakah tujuan kumpulan penculik itu menculik Ratna?
- soalan kelima siapakah Megat, Cuba kamu ceritakan serba sedikit tentang Megat?

SOALAN-SOALAN PETIKAN DIALOG

sekarang cuba kamu dengar petikan dialog ini, kemudian jawab soalan-soalan yang akan saya kemukakan nanti:

- soalan keenam dengar dialog ini:
- apa yang terjadi kepada anak kita, bang?
(RUJUK WAWANKATA 9)
- siapakah penutur dialog tersebut dan apakah yang terjadi ke atasnya?
- siapakan ketujuh dengar dialog ini pula:
- Dengar mejar..... kalau kau mahu anakmu selamat, ikut arahan kami.. . . (RUJUK WAWANKATA 23)
- siapakah yang menuturkan dialog tersebut dan apakah arahan yang dikatakannya?



soalan kelapan

Dengar petikan dialog ini:

Kerana kelalaian engkau, empat orang askar kita terkorban dalam latihan yang engkau kendalikan....
(RUJUK WAWANKATA 44)

Siapakah penutur dialog tersebut dan apakah tindakan yang dikenakan ke atas orang yang lalai itu?

soalan kesembilan

Dengar dialog ini:

Apa yang engkau hendak lakukan dengan bom itu? (48)

Siapakah penutur dialog tersebut dan apakah jawapan yang diterima setelah membuat pertanyaan tadi?

soalan kesepuluh

Dengar petikan dialog ini pula

Jangan ayah...jangan ikut kata mereka.....
(RUJUK WAWANKATA 62)

Siapakah penutur dialog tersebut dan mengapa dia menyeru kepada ayahnya supaya tidak menurut kata-kata penculik itu?